



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JULY 2016

Tindakan Dr. Mahathir pecah belah Melayu

um -
16/7/2016

KUALA LUMPUR 15 Julai - Hasrat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menubuhkan parti baharu hanya akan memecah belahkan lagi orang Melayu dan bumiputera serta mengelirukan rakyat.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, tindakan Dr. Mahathir itu juga dilihat seolah-olah ingin mengambil kesempatan dengan meraih sokongan dari parti pembangkang.

“Hanya kerana ingin menewaskan kerajaan Barisan Nasional (BN), beliau sanggup berkompromi dengan parti pembangkang lain. Tindakan beliau dilihat seperti ingin mengambil kesempatan dengan meraih sokongan parti pembangkang yang sudah lama bermimpi untuk menjatuhkan kerajaan dan ini ibarat ‘orang yang mengantuk disorongkan bantal’.

“Jadi, rakyat boleh jadi keliiru dan kucar-kacir akibat perpecahan dalam kalangan kita, malah perpecahan ini hanya merugikan kita kerana negara ini terkenal dengan perpaduan, namun jika hasrat Dr. Mahathir diteruskan maka Malaysia bakal berdepan dengan rakyatnya yang kucar-kacir,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.